



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 JULAI 2017 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | |
|---|----|
| - Beri pampasan atau cari lokasi baharu | 30 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 JULAI 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Beri pampasan atau cari lokasi baharu
Muka Surat	30

UTUSAN MALAYSIA

JUMAAT • 14.07.2017 kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

SEBAHAGIAN peniaga di selekoh persimpangan Kampung Pasir, Hulu Klang, Selangor berkumpul bagi menuntut kerajaan Selangor menyelesaikan isu pemindahan mereka.

PENIAGA perlu mengosongkan gerai bagi memberi laluan kepada projek pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKKV).

KAMI INGIN TAHU DI MANA PLOT 5 YANG DI MAKSUD OLEH PEJABAT TANAH??

SILA TUNJUKKAN KEPADA KAMI!!!

Kerajaan Selangor didesak selesai segera isu pemindahan peniaga

Beri pampasan atau cari lokasi baharu

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
kota@utusangroup.com.my

■ HULU KLANG 13 JULAI

KERAJAAN negeri Selangor serta Pejabat Daerah dan Tanah Gombak didakwa ingkar janji apabila tidak menyediakan kawasan baharu untuk peniaga di selekoh persimpangan Kampung Pasir di sini yang bakal dirobohkan awal Ogos ini.

"Pengerusi Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan iMalaysia (NGOIM), Mohd. Nazlee Sir Aziz Yeop berkata, peniaga mula resah dan terkilan memandangkan tiada tempat yang boleh dituju

serta hilang punca pendapatan. Menurutnya, nasib dan masa depan kira-kira 40 peniaga bagai tak tida masa depan.

"Lebih menimbulkan rasa terkilan mereka tidak diberi pampasan setimpal oleh pihak yang berkenaan.

"Sebelum ini peniaga pernah dijanjikan Plot 5 iaitu lokasi baharu sekiranya kawasan itu dibambil alih atau dibangunkan tetapi sampai sekarang status mengejarnya terus menjadi tanda tanpa," katanya dalam sidang akhbar di sini selepas mengetuai bantahan aman bersama peniaga terlibat bagi mendesak kerajaan negeri menyelesaikan isu tersebut.

Baru-baru ini peniaga di kawasan itu diarahkan untuk mengosongkan kawasan tersebut dalam tempoh 30 hari bagi memberi laluan kepada projek pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKKV).

Tambah Mohd. Nazlee, teman sebelan yang diberikan itu tidak cukup dan sepertinya dilanjutkan kira-kira enam bulan bagi memudahkan peniaga membuat persiapan.

"Peniaga tidak menghalang sebarang pembangunan tetapi perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuk nasib dan masa depan peniaga.

"Tempoh tujuh hari diberikan kepada kerajaan Selangor dan pihak PTD Gombak bagi menyelesaikan isu ini sebelum dibawa ke mahkamah," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga, Zalina Johari 46 berkata, dia bantu memikirkan nasib diri dan anak-anak selepas menerima notis arahan berpindah itu.

"Suami saya baru sahaja meninggal dunia tiga hari sebelum menyambut Aidilfitri lalu kerana jangkitan kuman di paru-paru. Situasi ini benar-benar memberi kesulitan dan tekanan.

"Saya berharap nasib peniaga di sini mendapat pembelaan se-wajarnya," katanya.